



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN PEMANTAUAN PROJEK DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan secara **Contract of Service** sebagaimana berikut :-

1. a) **Jawatan** : Pembantu Tadbir (Kewangan)
b) **Gred** : W1
c) **Kementerian / Jabatan** : Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,
Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
d) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Kewangan
e) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
f) **Jadual Gaji** :
- | GAJI MINIMA | GAJI MAKSIMA | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--------------------|--------------------|-----------------------------|
| RM 1,500.00 | RM 4,680.00 | RM 100.00 |
- g) **Taraf Jawatan** : Kontrak
h) **Elaun-elaun** : Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam : RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
Bantuan Sara Hidup : RM350.00
h) **Kekosongan** : 1 Kekosongan
i) **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia ;
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,500.00); atau
ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00)
iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas pengurusan kewangan berhubung urusan-urusan kewangan am, belanjawan, aliran wang tunai, perolehan jabatan, bayaran emolumen dan dokumentasi perakaunan serta tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4. Penaklukan di bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Calon-calon yang memasuki skim perkhidmatan jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan yang sedang berkuakuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat di laman web <https://jawatan.johor.gov.my/>

TARIKH BUKA PERMOHONAN : 15 OGOS 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 OGOS 2025

2. Catatan Am:

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Semua permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport terkini, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan serta salinan pengiktirafan kelayakan dari Kelayakan Agensi Malaysia (MQA) bagi kelulusan Diploma yang telah diakui sah salinannya.
- Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temu duga**, hendaklah membawa bersama Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini beserta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi TIGA (3) tahun terakhir **secara fizikal**.
- Permohonan dibuat secara atas talian sahaja dan jabatan tidak menerima borang permohonan yang dihantar secara **fizikal**.
- Borang permohonan jawatan hendaklah **dicetak dan dibawa bersama sekiranya dipanggil untuk temu duga sahaja**.
- Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dikategori **TIDAK BERJAYA**.
- Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
(PEMANTAUAN PROJEK DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT)
ARAS 3, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

Tarikh iklan : 14 OGOS 2025